

**PEMBANGUNAN *ECO-EDUCATION* MELALUI PERANCANGAN
EKOLOGIKAL DI TAMAN LAGENDA, GUNUNG LEDANG, MUAR, JOHOR**

GOH SOO CHERNG

**Laporan tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Senibina**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

2003

ABSTRAK

Keprihatinan manusia terhadap alam semulajadi semakin berkurangan, mengakibatkan pembangunan pembinaan yang tidak mengambilkira faktor alam semulajadi dalam proses rekabentuk. Manusia pada asalnya merekabentuk dengan alam semulajadi. Mereka perlu terlebih dahulu memahami alam semulajadi demi menjamin kehidupan (*survival*).

Isu-isu persekitaran semulajadi melibatkan senibina pada setiap peringkat. Bangunan menggunakan separuh daripada tenaga di negara-negara maju, manakala satu suku digunakan untuk perangkutan dan satu suku lagi untuk bidang industri. Arkitek tidak berupaya menyelesaikan kesemua masalah ekologi di dunia, tetapi mereka boleh merekabentuk bangunan yang berfungsi pada sebahagian kecil tahap penggunaan tenaga pada masa kini.